



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 39/2026

**URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-
BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN NEGERI
DALAM NEGERI SARAWAK**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Dalam Negeri Sarawak akan dilaksanakan berlandaskan **peruntukan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan** dengan mengambil kira **Ordinan Dewan Undangan Negeri (Komposisi Keanggotaan) 2025** yang berkuat kuasa pada **8 Ogos 2025**.
2. Notis berhubung Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Dalam Negeri Sarawak disiarkan dalam warta pada hari ini dan selaras dengan **peruntukan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan**, SPR hendaklah menyiapkan kajian semula persempadanan dalam tempoh yang **tidak melebihi dua (2) tahun dari tarikh notis ini diwartakan**.
3. Berikutan dengan itu, SPR mempamerkan Syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Dalam Negeri Sarawak **selama satu (1) bulan bermula pada 1 September 2026 (Selasa) sehingga 30 September 2026 (Rabu)** di tempat-tempat yang dinyatakan di dalam Notis Persempadanan yang disiarkan di akhbar-akhbar tempatan **pada 1 September 2026 (Selasa)** untuk tujuan semakan dan bantahan.

4. Bagi maksud Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Sarawak, SPR bercadang untuk mengesyorkan perkara-perkara berikut:
- a) **Tiada perubahan bilangan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan** bagi Negeri Sarawak;
 - b) Terdapat bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan yang terlibat dalam semakan semula dan tersentuh oleh syor yang dicadangkan;
 - c) Jumlah bahagian-bahagian pilihan raya Negeri bagi **Negeri Sarawak ditambah sebanyak tujuh belas (17) bahagian pilihan raya Negeri** yang menjadikan jumlah keseluruhan bahagian-bahagian pilihan raya Negeri bagi Negeri Sarawak sebanyak **sembilan puluh sembilan (99) bahagian pilihan raya Negeri**;
 - d) Bagi maksud kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya ini, **terdapat pindaan dibuat kepada nama bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan yang melibatkan satu (1) bahagian pilihan raya Persekutuan dalam Negeri Sarawak**; dan
 - e) Terdapat juga **pindaan dibuat kepada nama bahagian-bahagian pilihan raya Negeri yang melibatkan sepuluh (10) bahagian-bahagian pilihan raya Negeri dalam Negeri Sarawak**.
5. Butiran syor yang dicadangkan, dinyatakan dalam Notis yang telah disiarkan melalui Warta serta akhbar Utusan Borneo dan *The Borneo Post*. Butiran tersebut menunjukkan keseluruhan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri dalam Negeri Sarawak.
6. Satu salinan syor-syor yang dicadangkan itu berserta Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri dalam Negeri Sarawak juga dipamerkan untuk pemeriksaan orang ramai

semasa **waktu pejabat pada hari bekerja di tempat-tempat seperti yang dinyatakan dalam Notis** yang disiarkan dan boleh didapati melalui pautan <https://myst.spr.gov.my/>.

7. Menurut seksyen 4(b), Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, **representasi mengenai syor yang dicadangkan boleh dibuat kepada SPR dalam masa satu bulan selepas tarikh penyiaran Notis ini.**
8. Selaras dengan seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, **siasatan tempatan akan diadakan bagi representasi membantah syor yang dicadangkan** daripada pihak-pihak yang berikut:
 - a. Kerajaan Negeri; atau
 - b. Mana-mana pihak berkuasa tempatan yang keseluruhan atau sebahagian kawasannya termasuk di dalam bahagian-bahagian pilihan raya yang tersentuh oleh syor itu; atau
 - c. Sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihan raya yang berkenaan.
9. Apa-apa representasi membantah syor yang dicadangkan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan dihantar secara dalam talian (online) melalui pautan <https://myst.spr.gov.my/> atau dialamatkan kepada Pegawai Pilihan Raya Negeri Sarawak.
10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, **silalah hubungi Hotline KSP Sarawak di talian 082-549420** atau e-mel ke **ksp@spr.gov.my**.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

1 September 2026 / 19 Rabiulawal 1448H